

Publication:	Harian Metro	Date:	MARCH 28, 2014
Section :	Bisnes (Page 72)	Headline:	Leader in Fans

72

Bisnes

# Peneraju pasaran kipas

**Khind optimis terus kembang positif**

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediapri-  
ma.com.my  
Kuala Lumpur

**K**hind Holdings Bhd (Khind) optimis produk dalam segmen elektrik perindustrian akan berkembang positif tahun ini bersandarkan kepada perkembangan perusahaan berkenaan di Malaysia.

Bagi tahun kewangan 2013, Khind mencatatkan perolehan RM325 juta yang mana 32 peratus daripadanya disumbangkan oleh produk dalam segmen berkenaan dan selebihnya disumbangkan oleh produk elektrik penggunaan biasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, P K Cheng berkata, syarikatnya juga berhasrat untuk menerokai



CHENG (kiri) beramah mesra dengan pelajar pada majlis pelancaran.

lebih luas pasaran asing sedia ada yang mana pada tahun kewangan lalu ia menyumbang 40 peratus kepada perolehan syarikat.

Beliau berkata, ketika ini syarikatnya menerokai 60 negara antaranya Timur Tengah, Afrika Utara dan Singapura. Namun, tahun ini Khind tidak berhasrat untuk menerokai pasaran di negara baru.

"Walaupun tahun lalu, si-

tuasi ekonomi tidak menentu, tetapi kami melihat prestasi jualan produk Khind di luar negara tidak mengalami kemerosotan dan dijangkakan tahun ini jualan akan terus positif.

"Dari segi penguasaan pasaran, syarikat juga menunjukkan prestasi yang positif dalam segmen produk kipas am yang mana ia mencatatkan 25 peratus, sekali gus menjadi peneraju pasaran,"

katanya kepada Bisnes Metro pada majlis pelancaran yayasan badan kebajikan, Khind Starfish Foundation di sini, semalam.

Khind Starfish Foundation ialah yayasan yang ditubuhkan oleh Khind untuk membantu kumpulan pelajar yang ingin mendapatkan dana bagi melaksanakan projek amal menerusi Projects for Happiness yang menerima peruntukan dana RMI juta.